

# **IMBUHAN DAN PENANDAAN TEMATIK DALAM BAHASA MELAYU**

**Oleh**

**Ramli Md.Salleh**  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **Pendahuluan**

Kertas kerja ini akan membincangkan peranan yang dimainkan oleh kata kerja dalam penandaan tematik dalam bahasa Melayu. Ini merupakan usaha Tatabahasa Sejagat (Universal Grammar). Perbincangan juga melihat satu parameter khusus-bahasa (language specific) yang dimainkan oleh imbuhan bahasa Melayu dalam penandaan tematik. Penandaan tematik dalam bahasa Melayu ini merupakan interaksi antara kedua-dua aspek ini, iaitu Tatabahasa Sejagat dan parameter khusus-bahasa.

## **Tatabahasa Sejagat dan Leksikon**

Linguistik moden mengandaikan bahawa setiap kanak-kanak itu mempunyai satu sistem biologi yang merupakan satu sistem bahasa asas dan keupayaan menggunakan sistem tersebut yang dipanggil sebagai Tatabahasa Sejagat. Bidang linguistik dan ahli linguistik cuba untuk menghuraikan dan menggambarkan sistem tersebut. Seorang kanak-kanak dikatakan sudah mempunyai sistem ini yang melahirkan bahasa natif yang diketahui dan digunakan oleh kanak-kanak tersebut.

Satu aspek linguistik yang berkaitan dengan Tatabahasa Sejagat adalah leksikon. Kanak-kanak dikatakan memperoleh masukan leksikal yang di dalam ciri dasarnya mempunyai pasangan bunyi dan makna yang arbitrari. Seterusnya masukan leksikal juga memerlukan syarat, iaitu tempat atau struktur sintaksis yang akan menempatkan masukan leksikal tersebut. Kriteria ini juga merupakan sebahagian daripada pengetahuan penutur tentang item leksikal tersebut. Contohnya dalam aspek kategori yang menerima argumen seperti kata kerja, dan kata adjektif. Berkenaan item leksikal yang menerima argumen, terdapat tiga jenis maklumat yang perlu dipenuhi,

ialah pemilihan kategori sintaksis, pemilihan semantik, dan penempatan argumen ke tempat tertentu dalam ayat.

### **Pemilihan Kategori Sintaksis**

Merujuk pemilihan kategori sintaksis, aspek ini menentukan kategori yang dipilih suatu kata kerja. Contohnya ia menentukan berapa Frasa Nama (FN) yang wajib ada di dalam sebuah Frasa Kerja (FK). Sekurang-kurangnya tiga jenis kata kerja boleh dibezakan, iaitu kata kerja transitif seperti *baca*, dwitransitif seperti *beri* dan tak transitif seperti *mandi*. Andainya sebuah FK mengandungi suatu Kata Kerja (KK) transitif sebagai kepalanya, satu FN (objek langsung) diperlukan. Justeru kata kerja tersebut mengambil satu komplemen FN. Andainya satu FK mengandungi KK dwitransitif sebagai kepalanya, dua FN atau satu FN dan satu FP (objek langsung dan objek tak langsung) diperlukan. Andainya satu FK mengandungi satu KK tak transitif sebagai kepalanya tiada komplemen FN diperlukan. Begitu juga dengan kata kerja seperti *katakan*, *percaya* akan memilih komplemen Frasa Komplemen (Fkomp), berbanding kata kerja seperti *tulis* akan memilih kategori FN sebagai komplemennya. Pemilihan kategori juga menentukan bahawa kata kerja seperti *tertanya-tanya* memilih komplemen argumen interogatif berbanding kata kerja seperti *percaya* yang memilih argumen Fkomp.

- 1a. Ahmad membaca buku.
- b. Ahmad mandi.
- c. Ahmad memberi wang kepada ibu.
- d. Ahmad mengatakan bahawa dia sudah membaca buku itu.
- e. Ahmad percaya bahawa dia akan lulus peperiksaan itu.
- f. Ahmad tertanya-tanya siapa orang itu.

Dalam tradisi Chomsky, tanggapan ini, iaitu transitif dan tak transitif dan sebagainya yang direalisasikan dalam pemilihan kategori sintaksis diberikan dalam bentuk kerangka agihan atau kerangka subkategorisasi.

2a. *baca* : KK, [-----FN]

- b. *mandi* : KK, [-----]
- c. *beri* : KK, [----- FN, FN/ FN FP]
- d. *katakan* KK, [----- Fkomp]

### **Pemilihan Semantik**

Tanggapan sama ada suatu kata kerja itu transitif atau tak transitif sebenarnya adalah berdasarkan aktiviti yang dijalankan oleh kata kerja dan juga melibatkan peserta aktiviti tersebut. Ini dirangkumi dalam pemilihan semantik yang melibatkan pemilihan kategori bebas seperti *proposisi* dan *benda*, dan juga pemilihan kategori semantik seperti *pelaku* dan *penderita*. Dalam Teori Kuasaan dan Tambatan konsep ini diformalisasikan dari konsep dalam ilmu logik. Sebagai contoh, struktur semantik ayat seperti *adik mengejar itik* diberi representasi logik seperti di bawah :

3. A (a,i)

di mana A = 'kejar', a = 'adik' dan I = 'itik'.

Ayat *adik mengejar itik* mengandungi FN *adik* dan *itik*, dua ungkapan rujukan, iaitu ungkapan yang memilih satu entiti, orang atau benda. Ayat ini juga mengandungi satu predikat *kejar* yang menghubungkan dua ungkapan rujukan tersebut. Tanggapan logik (3) menunjukkan bahawa predikat '*kejar*' mengambil dua argumen a (adik) dan I (itik). Predikat yang memerlukan dua argumen adalah predikat dua-tempat. Justeru, kata kerja transitif dalam sintaksis tradisional berpadan dengan predikat dua-tempat dalam logik. Kata kerja tak transitif berpadan dengan predikat satu-tempat.

Berpandukan tanggapan logik di atas boleh diandaikan bahawa setiap predikat mempunyai struktur argumennya, iaitu bilangan argumen yang diperlukan oleh predikat tersebut. Argumen merupakan peserta yang terlibat di dalam aktiviti atau keadaan yang dilahirkan oleh predikat.<sup>1</sup> Contoh struktur argumen beberapa kata kerja boleh dilihat di bawah<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kertas kerja ini hanya membincangkan struktur argumen bagi kata kerja dan tidak struktur argumen bagi adjektif, nama dan preposisi.

<sup>2</sup> Struktur argumen berbeza daripada kerangka subkategorisasi. Kerangka subkategorisasi hanya menentukan komplemen kata kerja, iaitu konstituen yang terdapat di dalam Frasa Kerja. FN subjek tidak perlu disebutkan di

4a. *kejar*: KK; 1 2  
FN FN

b. *mandi* : KK; 1  
FN

c. *beri* : KK ; 1 2 3  
FN FN FN  
FN FN FP

d. *jual* : KK ; 1 2  
FN FN

### Hubungan Argumen dan Struktur

Aspek Tatabahasa Sejagat ini hanya menentukan hubungan antara kategori semantik (pelaku, penderita, dll.) argumen dalam predikat dengan kedudukan struktur sintaksisnya. Aspek ini menyatakan bahawa argumen frasa nama kata kerja seperti *baca* adalah objek dan bukannya subjek, dan pelaku merujuk kepada subjek.

- 5a. Ahmad membaca buku
- b.\*Buku membaca Ahmad.

### Peranan Tematik

Peranan tema atau peranan tematik merujuk kepada hubungan semantik di antara kata kerja dan argumennya. Sebagai contoh, kata kerja *kejar* memerlukan dua argumen

---

dalam kerangka subkategorisasi kerana semua kata kerja memerlukan subjek. Struktur argumen sebaliknya menyenaraikan semua argumen sama ada di dalam dan di luar Frasa Kerja.

Perlu dinyatakan di sini bahawa di dalam bahasa Melayu terdapat kata kerja yang tidak memerlukan subjek nyata. Walau bagaimanapun, perbincangan di sini mengandaikan bahawa subjek yang tidak nyata direalisasikan dalam bentuk PRO pada bentuk logiknya. Justeru, semua kata kerja memerlukan subjek.

yang ditandakannya peranan tematik; ia menandakan peranan **PELAKU** kepada argumen subjek dan peranan **PENDERITA** kepada argumen objek.<sup>3</sup> Di bawah disenaraikan beberapa peranan tematik yang ditandakan oleh kata kerja kepada argumennya:

6a. **PELAKU:** suatu yang secara sedar memulakan perlakuan yang dilahirkan oleh predikat.

b. **PENDERITA:** orang atau benda yang mengalami perlakuan yang dilahirkan oleh predikat.

c. **TEMA:** orang atau benda yang mengalami perlakuan yang dilahirkan oleh predikat.

d. **PENGALAMI:** entiti yang mengalami sesuatu keadaan yang dilahirkan oleh predikat.

e. **SUMBER:** entiti dari mana sesuatu diubah hasil daripada perlakuan yang dilahirkan oleh predikat.

f. **TEMPAT:** tempat di mana perlakuan atau keadaan yang dilahirkan oleh predikat.

Peranan dalam (6) di atas boleh direalisasikan di dalam contoh di bawah:

7a. Adik mengejar itik

**PELAKU      PENDERITA**

7 b. Ibu memberi hadiah kepada adik

**PELAKU    TEMA      PEMANFAAT**

c. Adik sedang ketakutan

**PENGALAMI**

d. Adik baru balik dari Jakarta

**PELAKU                  SUMBER/TEMPAT**

e. Batu itu bergolek ke bawah bukit.

**TEMA**

**TEMPAT**

---

<sup>3</sup> Penandaan peranan tema diandaikan berlaku pada tahap Struktur Dasar (DS). Oleh kerana itu peranan yang sudah ditandai itu akan kekal walaupun sudah berlaku proses transformasi. Misalnya, peranan **penderita** yang ditandakan kepada FN *buku* dalam ayat *Ahmad membaca buku* akan kekal walaupun FN *buku* sudah berpindah tempat di dalam ayat *buku dibaca oleh Ahmad*.

## Imbuhan dan Penandaan Peranan Tematik Dalam Bahasa Melayu

Seperti dinyatakan di atas, penandaan peranan tema atau tematik dilakukan oleh predikat atau kata kerja kepada argumennya, sama ada argumen luar, iaitu FN subjek atau argumen dalam, iaitu FN objek ( langsung dan tak langsung).<sup>4</sup> Contoh-contoh dalam (7) di atas memperlihatkan peranan-peranan tersebut. Semua peranan tema itu memperlihatkan hubungan predikat dengan argumennya. Walau bagaimanapun, bagi bahasa Melayu, di samping kata kerja, iaitu aspek yang terdapat di dalam Tatabahasa Sejagat, imbuhan juga memainkan peranan penting dalam penandaan peranan tematik ini. Inilah bahagian atau aspek yang dimainkan oleh parameter khusus-bahasa. Oleh kerana itu, seorang kanak-kanak penutur natif bahasa Melayu selain memperolehinya melalui Tatabahasa Sejagat, juga perlu mempelajarinya melalui pengalaman yang bersifat khusus-bahasa ini. Perhatikan contoh-contoh di bawah:

- 8a. Ali menjual goreng pisang
- b. Ali sedang berjual.
- c. Ali menjualkan goreng pisang untuk ibunya.

- 9a. Adik bergolek ke bawah bukit.
- b. Adik menggolekkan dirinya ke bawah bukit.
- c. Bola itu bergolek.

- 10a. Adik tidur.
- b. Adik menidurkan kucing.
- c. Adik meniduri gadis itu.

Pertama, contoh-contoh di atas memperlihatkan struktur argumen yang berbeza bagi kata kerja *jual*, *golek*, dan *tidur*. Perbezaan struktur argumen ini adalah disebabkan oleh imbuhan yang diimbuhkan kepada kata kerja tersebut.

- 11a. *jual*: KK;   1   2  
          FN FN

---

<sup>4</sup> Argumen di dalam perbincangan ini hanya merujuk kepada frasa nama sahaja dan argumen lain seperti frasa preposisi dan frasa adjektif tidak akan disentuh.

b. *berjual*: KK; 1  
FN

c. *menjualkan*: KK; 1 2 3  
FN FN FN

12a. *bergolek*: KK; 1 2  
FN FN

b. *mengolekkan*: KK; 1 (2) 3  
FN FN FN

c. *bergolek*: KK; 1

13a. *tidur*: KK; 1  
FN

b. *menidurkan* : KK ; 1 2  
FN FN

c. *meniduri*: KK; 1 2  
FN FN

Kata kerja *jual* ialah kata kerja transitif (11a), sementara *golek* dan *tidur* ialah kata kerja tak transitif (12a,c) dan (13a). Walau bagaimanapun, semua struktur argumen kata kerja ini berubah apabila kata kerja tersebut mendapat imbuhan (11b,c), (12a,b) dan (13b,c).

Perbezaan ini juga jelas dalam peranan tematik yang diberikan kepada argumen sama ada luar atau dalam.

14a. Ali menjual goreng pisang  
**PELAKU PENDERITA**

b. Ali sedang berjual.

**TEMA**

c. Ali menjual goreng pisang untuk ibu.

**PELAKU      PENDERITA      PEMANFAAT**

15a. Adik bergolek ke bawah bukit.

**TEMA                      TEMPAT**

15b. Adik menggolekkan dirinya ke bawah bukit.

**TEMA                      TEMA                      TEMPAT**

c. Adik menggolekkan bola ke bawah bukit.

**PELAKU                      PENDERITA TEMPAT**

16a. Adik tidur

**PENGALAMI**

b. Adik menidurkan kucingnya.

**PELAKU                      PENDERITA**

c. Adik meniduri gadis itu.

**PELAKU                      PENGALAMI?**

### **Kesimpulan**

Dari perbincangan di atas jelas terlihat bahawa penandaan peranan teta atau tematik dalam bahasa Melayu itu bukan sahaja dimainkan oleh kata kerja bahkan imbuhan juga turut memainkan peranan utama. Bukan sahaja imbuhan turut menukarkan struktur argumen kata kerja malahan peranan teta atau tematik. Dengan lain perkataan, interaksi antara Tatabahasa Sejagat (yang diperolehi oleh kanak-kanak) dan parameter khusus-bahasa ( yang dipelajari melalui pengalaman) memainkan peranan penting dalam usaha kanak-kanak Melayu mempelajari bahasa Melayu.

## **Rujukan**

- Abdullah Hassan. (1974) *The morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, (1986). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carnie, A. (2002). *Syntax A Generative Introduction*, Oxford : Blackwell.
- Chomsky, N. (1981). *Lectures on Government and Binding*, Dordrecht: Foris.
- Haegeman, L. (1991). *Introduction to Government and Binding Theory*. Oxford: Blackwell
- Nik Safiah Karim et al. (1996). *Tatabahasa Dewan (edisi baru)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2000). *Pelita bahasa Melayu (edisi baru)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.